

APA ITU K3P BAI' AL-INAH

K3P adalah pembiayaan mudah (*softloan* jangka pendek tanpa cagaran daripada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) kepada Pertubuhan Peladang (PP) bagi membiayai projek-projek pembangunan Pertubuhan Peladang (PP) yang berdaya maju.

Dasar Pembiayaan Secara Islam **Bai' Al-Inah** digunakan sepenuhnya dalam pengurusan Tabung K3P LPP mulai Januari 2011.

Bai' Al-Inah ditakrif sebagai satu kaedah menjual sesuatu peralatan/harta LPP kepada pelanggan dengan harga tangguh termasuk kadar keuntungan yang telah dipersetujui bersama dan kemudian Lembaga membeli semula harta tersebut secara tunai dengan harga yang kurang daripada harga jualan.

KELEBIHAN K3P BAI' AL-INAH

- ✓ Mematuhi hukum syariah
- ✓ Keuntungan tidak melibatkan riba
- ✓ Memenuhi rukun jual beli yang sah
- ✓ Melalui sighth (ijab dan kabul)
- ✓ Mematuhi seksyen 6 (1) a – m Akta 109 aktiviti dan projek
- ✓ Mematuhi polisi dan prosedur yang ditetapkan oleh LPP
- ✓ Kadar keuntungan munasabah
- ✓ Tiada cagaran

KEUNTUNGAN ATAS PEMBIAYAAN

Keuntungan pembiayaan adalah pada kadar tetap seperti berikut:-

Kadar Keuntungan	Tempoh
2.0%	< 1 tahun
2.5%	2 tahun
3.0%	3 tahun
3.5%	4 tahun
4.0%	5 tahun

TEMPOH PEMBIAYAAN

Tempoh minima pembiayaan 6 bulan sehingga maksimum 60 bulan.

Pembiayaan projek jangka pendek seperti projek mini estet padi, pemasaran padi dan pemasaran kelapa sawit tidak melebihi 1 tahun. Manakala projek seperti akuakultur, tanaman kelapa sawit dan perniagaantani dikategorikan sebagai projek jangka sederhana di mana tempoh pembiayaan di antara 1 tahun dan tidak melebihi 5 tahun.

AMAUN PEMBIAYAAN

Had pembiayaan yang dipertimbangkan adalah bergantung kepada merit sesuatu projek/aktiviti dan juga kedudukan kewangan PP yang memohon.

Jumlah maksimum pembiayaan adalah RM5 juta bagi sesuatu pembiayaan.

Had meluluskan pembiayaan yang diwakilkuasa kepada Jawatankuasa Pembiayaan K3P Ibu Pejabat LPP adalah tidak melebihi RM500,000 kecuali bagi pembiayaan perniagaan input tidak melebihi RM1 juta dan pemasaran tidak melebihi RM3 juta.

Had maksimum pembiayaan yang akan dipertimbang adalah tidak melebihi 80% daripada keperluan keseluruhan kos sebenar projek yang dipohon.

IBRA' (REBAT)

Ibra' adalah perbezaan di antara jumlah keuntungan Lembaga bagi sesuatu tempoh pembiayaan yang dirancang dan keuntungan tempoh sebenar pembiayaan.

Pelanggan perlu mengemuka surat permohonan untuk membuat penjelasan awal dan memohon ibra' sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum tempoh matang pembiayaan.

DOKUMEN SEMAKAN

- ▶ Surat dan borang permohonan pembiayaan
- ▶ Kertas kerja lengkap
- ▶ Salinan resit bayaran wang proses
- ▶ Penyata Kewangan Terkini
- ▶ Ulasan perakuan Pengarah LPP Negeri
- ▶ Muka surat pertama penyata bank PP
- ▶ Cabutan minit Mesyuarat Agong PP
- ▶ Cabutan minit Mesyuarat AJP
- ▶ Cabutan minit mesyuarat pembiayaan LPP Negeri
- ▶ Surat permohonan had kuasa pinjaman luar

SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN

1. Pelanggan hanya boleh meminjam semula setelah membayar balik sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah baki pembiayaan sebagaimana Jadual Bayaran Balik yang telah ditetapkan dalam perjanjian yang ditandatangani.
2. Pelanggan yang mempunyai hutang tertunggak dikehendaki menyelesaikan baki pembiayaan seperti diputuskan oleh Jawatankuasa Pembiayaan K3P Ibu Pejabat LPP.
3. Pembiayaan hanya boleh digunakan untuk aktiviti yang diluluskan dan dinyatakan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Pembiayaan sahaja.
4. Pelanggan adalah ditegah daripada meminjam daripada Institusi kewangan lain tanpa kebenaran bertulis Pendaftar PP bagi tempoh selama ia masih mempunyai pembiayaan dengan LPP.
5. Pelanggan hendaklah mengambil takaful/insurans perlindungan yang secukupnya ke atas aset tetap dan stok perniagaan yang dibiayai dan LPP hendaklah dijadikan PENAMA.
6. Pembiayaan hanya boleh dikeluarkan setelah surat perjanjian, surat kuasa/kebenaran dan dokumen kontrak yang berkaitan telah disempurnakan.
7. Pelanggan dikehendaki memohon kuasa pinjaman luar daripada Pendaftar/Wakil Pendaftar PP dan mengemukakan satu (1) salinan kelulusan tersebut kepada Urus Setia K3P Ibu Pejabat LPP.
8. Tertakluk kepada polisi dan syarat-syarat pembiayaan dari masa ke semasa.

BAYARAN WANG PROSES

Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran memproses pada peringkat awal permohonan sebanyak **RM50**

Lafaz Aqad Jual oleh LPP dan Beli oleh PP

BAHAWA dengan ini pihak “Lembaga Pertubuhan Peladang” melafaz Aqad Jual “ Aset Jualan ” secara harga tangguh tersebut seperti berikut:

“Saya _____ mewakili pihak Lembaga Pertubuhan Peladang. Dengan ini menjual “ Aset ” kepunyaan Lembaga (tanah) yang beralamat di PT 145 Batu 26 Jalan Kajang/Seremban Mukim Beranang, Selangor sebanyak _____ bahagian daripada harta tersebut secara harga tangguh kepada PP _____ dengan harga _____ .

BAHAWA dengan ini saya _____ mewakili PP _____ menerima Akad Jualan tersebut.

Lafaz Aqad Beli oleh LPP dan Jual oleh PP

BAHAWA dengan ini “ pihak Lembaga Pertubuhan Peladang ” melafazkan Aqad Belian “ Aset Belian” secara tunai seperti berikut:

“Saya _____ mewakili pihak Lembaga Pertubuhan Peladang. Dengan ini membeli “ Aset ” kepunyaan PP (tanah) yang beralamat di PT 145 Batu 26 Jalan Kajang/Seremban Mukim Beranang, Selangor sebanyak _____ bahagian daripada harta tersebut secara harga tunai daripada PP _____ dengan harga _____ .

BAHAWA dengan ini saya _____ mewakili PP _____ menerima Akad Belian tersebut.



**KUMPULANWANG
PINJAMAN
PERTUBUHAN
PELADANG (K3P-I)
BAI AL-INAH**



‘ Dan Allah menghalalkan jual beli dan Allah mengharamkan riba ’

[Surah Al-Baqarah : 275]

Untuk maklumat lanjut, anda boleh hubungi
urus setia K3P seperti berikut:-

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
DAN PEMBIAYAAN
ARAS 5B, MENARA LPP
NO. 20, JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR

TEL : 603-2610 9827/ 9821